



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PENGARUH PERSEKITARAN RUMAH, PENGLIBATAN IBU
BAPA, DAN KEPUASAN MURID DALAM PENCAPAIAN
AKADEMIK MATA PELAJARAN SEJARAH

*THE EFFECT OF THE HOME ENVIRONMENT, PARENTS' INVOLVEMENT,
AND STUDENTS' SATISFACTION IN HISTORY SUBJECT ACADEMIC
ACHIEVEMENT*

Nurfatehah Muhammad Taib^{1*}, Anuar Ahmad², Norasmah Hj Othman³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: p1177904@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: anuarmd@ukm.edu.my

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: lin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.01.2024

Revised date: 12.02.2024

Accepted date: 26.02.2024

Published date: 18.03.2024

To cite this document:

Taib, N. F., Ahmad, A. & Othman, N. A. (2024). Pengaruh Persekitaran Rumah, Penglibatan Ibu Bapa, dan Kepuasan Murid dalam Pencapaian Akademik Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (53), 377-393.

DOI: 10.35631/IJEPC.953029.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh persekitaran rumah, penglibatan ibu bapa, dan kepuasan murid terhadap pencapaian akademik dalam mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid Orang Asli Pantai di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik dengan melibatkan 63 responden dari dua sekolah di daerah Batu Pahat. Analisis data dilakukan menggunakan SPSS versi 26. Hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan persekitaran di rumah yang sederhana, dengan variasi dalam kelengkapan dan keadaan persekitaran yang memudahkan sesi ulangkaji. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka menunjukkan tahap yang sederhana, dengan sokongan kuat dalam penyediaan kemudahan dan galakan, tetapi kurang dalam aspek penyemakan buku latihan dan kehadiran di Hari Terbuka sekolah. Tahap kepuasan hati murid terhadap ibu bapa, guru, dan persekitaran sekolah adalah tinggi, tetapi analisis regresi menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap kepuasan hati ini dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran Sejarah. Penemuan ini menekankan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilan akademik murid, terutama dalam konteks pendidikan Orang Asli dan minoriti. Kajian ini memberikan wawasan tentang hubungan kompleks antara faktor persekitaran, sokongan keluarga, dan kepuasan pendidikan terhadap prestasi akademik, serta

menyarankan pentingnya intervensi yang menyeluruh dan berlapis untuk meningkatkan pencapaian akademik murid Orang Asli Pantai dalam mata pelajaran Sejarah. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun ada pengaruh dari kesediaan persekitaran di rumah, penglibatan ibu bapa, dan kepuasan hati murid, hubungan-hubungan ini berbeza-beza dalam kekuatan dan signifikansi, menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih inklusif dan menyeluruh dalam pendidikan.

Kata Kunci:

Sosioekonomi; Pendidikan Sejarah; Murid Orang Asli Pantai

Abstract:

This study aims to examine the influence of the home environment, parental involvement, and student satisfaction on academic achievement in History subjects among Orang Asli Pantai students in Malaysia. Involving 63 respondents from two schools in the Batu Pahat area, this study used a quantitative methodology by collecting data through probe questions. Data analysis was carried out using SPSS version 26. The results of the study show the level of availability of a simple home environment, with variations in completeness and environmental conditions that facilitate review sessions. Parents' involvement in their children's learning shows a modest level, with strong support in providing facilities and encouragement, but less so in aspects of reviewing exercise books and attending school Open Days. The level of student satisfaction with parents, teachers and the school environment is high, but regression analysis shows an insignificant relationship between this level of satisfaction and academic achievement in the History subject. These findings emphasize the need for a more holistic approach in understanding the factors that influence student academic success, especially in the context of Indigenous and minority education. This study provides insight into the complexity of the relationship between environmental factors, family support, and educational satisfaction on academic achievement, and suggests the importance of comprehensive and layered interventions to improve the academic achievement of Orang Asli Pantai students in History subjects. In conclusion, this study shows that despite the influence of home environment availability, parental involvement, and student satisfaction, these relationships vary in strength and significance, indicating the need for a more inclusive and holistic approach to education.

Keywords:

Socioeconomic; History Education; Indigenous People of the Coast Students

Pengenalan

Isu pendidikan merupakan antara isu yang sering menjadi perdebatan dalam kalangan pemimpin di segenap pelusuk dunia tanpa mengira perbezaan tahap persekolahan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun universiti (Ozturk, 2001). Pada akhir abad ke dua puluh, tahap pengiktirafan ahli akademik kepada aspek pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli telah menimbulkan minat pengkaji untuk memastikan pengetahuan mereka dapat dimanfaatkan dalam bidang politik dan pendidikan (da Silva, 2023). Negara luar seperti Australia (Battiste & McConaghy, 2005) merupakan antara contoh negara yang memberi perhatian serius kepada isu pendidikan kaum asli mereka. Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan modal insan dan menentukan hala tuju masa depan sesebuah negara

(Zulkifli, Mustafar, & Ridzuan, 2022). Masa depan negara kita akan diwarisi oleh golongan murid masa kini menyebabkan perhatian yang menyeluruh haruslah diberikan kepada tahap pendidikan yang diperolehi oleh mereka. Dalam konteks Malaysia, isu pendidikan sering kali dikaitkan dengan latar belakang serta keadaan sosioekonomi keluarga, di mana kedua-duanya memainkan peranan penting dalam membentuk landasan pendidikan anak-anak (Abd Aziz, & Tayeb, 2023; Ahmad et al., 2021; Daud et al., 2021; Goman et al., 2020; Kipli, & Mahmud, 2022). Dalam era yang serba maju ini, masih wujud ketidaksamarataan dalam pencapaian pendidikan, terutama dalam kalangan murid Orang Asli Pantai yang sering kali terpinggir dan terabai dalam sistem pendidikan negara (Abdullah, 2020). Isu ini bukan sahaja menimbulkan kebimbangan dari segi perkembangan akademik, tetapi juga mengancam masa depan negara yang bergantung kepada generasi muda yang berpendidikan.

Kajian- kajian lepas seperti Abd Aziz dan Tayeb (2023), Chzin dan Surat (2021), Ibrahim, Yusoff dan Hassan (2021), Iswahyudi et al. (2023), dan Kashfi et al. (2022) mendapati faktor sosioekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kejayaan pendidikan. Mengikut kajian terkini oleh Zur Raffar et al (2023), ini disebabkan oleh keadaan kemiskinan yang menghadkan akses kepada sumber pendidikan dan bahan pembelajaran yang berkualiti, di samping menjejaskan pencapaian akademik kanak-kanak. Teori ini disokong oleh Abd Aziz dan Tayeb (2023) dan Gosman et al. (2020), yang menyatakan terdapat hubungan langsung antara tahap sosioekonomi sesebuah keluarga dengan pencapaian akademik anak-anak. Ini menunjukkan bahawa pendapatan keluarga tidak hanya mempengaruhi kesejahteraan hidup, tetapi juga impak langsung ke atas prestasi pendidikan.

Fenomena kemiskinan berpanjangan boleh membawa kepada kitaran kemiskinan yang diwarisi turun-temurun (Beden, 2021; Kadir, 2023). Ini memberi implikasi serius kepada pembentukan modal insan berkualiti yang menjadi tunjang utama kemajuan dan pembangunan negara. Kanak-kanak yang terdedah kepada situasi kemiskinan selalunya tidak mendapat sokongan yang mencukupi dari segi pendidikan, seterusnya menghadkan potensi mereka untuk mencapai kejayaan akademik. Kemampuan ibu bapa dalam menyediakan keperluan anak mereka dalam proses pembelajaran amatlah besar impaknya terhadap tahap pencapaian dalam pendidikan. Sebagai contoh, pelajar Orang Asli Pantai yang mengalami kelemahan sosioekonomi sering mendapati diri mereka terpinggir dan tidak mampu bersaing dengan rakan sebaya yang datang daripada latar belakang keluarga yang lebih mewah.

Peranan ibu bapa dalam proses pendidikan anak-anak tidak boleh dipandang ringan. Rahmi (2021) dan Yahya dan Mahmud (2021) menekankan kepentingan bimbingan dan latihan yang diberikan oleh ibu bapa dalam membentuk generasi masa depan yang berkualiti. Ibu bapa sebagai guru pertama dalam proses pembesaran anak-anak mereka seharusnya berusaha menjadi model dan ikutan teladan yang baik. Perkara ini amat penting terutamanya bagi pelajar Orang Asli Pantai, di mana ibu bapa perlu proaktif dalam membentuk sikap dan nilai yang positif terhadap pendidikan. Kesedaran ini penting bagi memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dalam kitaran kemiskinan yang sama dan mampu mencapai peluang yang lebih baik dalam kehidupan.

Dari perspektif global, banyak kajian seperti Abd Aziz dan Tayeb (2023), Jamri and Ishak (2023), Muhsin dan Lukman (2023) dan Paraman and Hussain (2023) telah menunjukkan bahawa kemiskinan dan tahap sosioekonomi yang rendah memberi kesan negatif kepada pendidikan. Ini menggambarkan keseriusan isu ini yang bukan sahaja dihadapi di Malaysia, tetapi juga dalam seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif untuk

mengatasi masalah ini termasuk dengan memperkenalkan Pendidikan Wajib Asas seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 (Rasid, Hajimin, & Marinsah, 2023). Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan setiap rakyat khususnya Orang Asli Pantai mendapat akses kepada pendidikan asas yang berkualiti.

Namun begitu, masih banyak cabaran yang perlu diatasi untuk memastikan setiap murid, tanpa mengira latar belakang mereka, mendapat manfaat dari sistem pendidikan yang adil dan inklusif. Penekanan terhadap pembangunan modal insan yang menyeluruh dan seimbang telah menjadi agenda utama negara, dan ini melibatkan usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Melalui pendidikan, kita boleh menangani kemiskinan dan meningkatkan tahap sosioekonomi kehidupan khususnya bagi keluarga Orang Asli Pantai. Ini penting dalam memastikan mereka dapat mengambil bahagian dalam pembangunan negara dan mengubah nasib mereka untuk masa depan yang lebih cerah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kesediaan persekitaran di rumah untuk sesi ulangkaji sendiri, penglibatan ibu bapa dalam sesi pembelajaran dan kepuasan hati murid kepada ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah di antara keluarga Orang Asli Pantai.
2. Menganalisis hubungan antara tahap kesediaan persekitaran di rumah untuk sesi ulangkaji sendiri dengan pencapaian murid dalam mata Pelajaran Sejarah.
3. Menganalisis hubungan antara tahap penglibatan ibu bapa dalam sesi pembelajaran dengan pencapaian murid dalam mata Pelajaran Sejarah.
4. Menganalisis hubungan antara tahap kepuasan hati murid kepada ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah dengan pencapaian murid dalam mata Pelajaran Sejarah.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas seperti Abdullah (2018), Abdullah (2020), Almahera, Jauhari dan Nafi'ah (2023), Nordin dan Wahab (2021), dan Velayutham dan Awang (2023) telah banyak memfokuskan kepada populasi minoriti Orang Asli, menonjolkan perbezaan dalam fokus setiap kajian yang menjadikan topik ini sentiasa relevan dan berterusan. Salah satu fokus utama dalam kajian-kajian ini ialah tentang bagaimana pendidikan boleh dijadikan penggerak utama bagi membantu Orang Asli keluar daripada kemiskinan. Mobiliti sosial yang diperkatakan oleh Nor et al. (2018) menunjukkan bahawa dengan peningkatan pendidikan, kemungkinan besar akan wujud peningkatan kualiti hidup dan pencapaian akademik anak-anak Orang Asli.

Tambahan pula, hubungan antara pendidikan dan pilihan kerjaya menunjukkan bahawa peluang pendidikan yang saksama boleh membuka jalan kepada Orang Asli untuk mencapai kemajuan dalam kehidupan profesional mereka. Menurut Nor et al. (2018), pendidikan yang diperoleh dari sekolah dapat membantu membentuk insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran, yang berguna dalam dunia pekerjaan. Kajian ini menunjukkan kepentingan memahami kewujudan dan keperluan Orang Asli Pesisir Pantai yang sering kurang mendapat perhatian.

Menurut Salleh dan Ahmad (2009), pandangan umum lepas menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli kurang menitikberatkan pendidikan. Namun, pandangan ini berubah apabila masyarakat Orang Asli mula menyedari kepentingan pendidikan melalui interaksi dengan masyarakat dan penyelidik luar. Ini menunjukkan perubahan sikap dan persepsi Orang Asli

terhadap pendidikan yang secara perlahan-lahan meningkatkan tahap kesedaran dan kepentingan pendidikan dalam kalangan mereka.

Cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan pendidikan Orang Asli juga tidak boleh diabaikan. Zeki, Razak, dan Razak (2020) menyatakan bahawa masalah seperti infrastruktur yang tidak lengkap, penguasaan bahasa, dan kurangnya kefahaman guru tentang sosiobudaya Orang Asli merupakan halangan utama dalam proses pendidikan. Pengenalan pendekatan pengajaran yang diadaptasi seperti pembangunan kit rimba berorientasikan elemen Sekolah Rimba Malaysia (PeRIMBA) yang diperkenalkan oleh Nur Bahiyah (2015) merupakan salah satu inisiatif yang diambil untuk menarik minat Orang Asli terhadap pendidikan, menggunakan persekitaran dan sumber semula jadi sebagai alat pengajaran.

Dalam konteks Falsafah Pendidikan Negeri, pendidikan seimbang mestilah merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini penting bagi melahirkan generasi yang seimbang dari segi kemampuan dan kreativiti. Harun et al. (2020) menekankan kepentingan guru dalam memainkan peranan sebagai pendidik bagi melahirkan generasi Orang Asli yang berkeelayakan dan mampu bersaing dalam bidang akademik.

Selain itu, kajian oleh TH. Subra, Abdullah, and Devi (2019) berkenaan Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pendidikan Pelajar India: Kajian Kes di Daerah Kuala Muda Kedah, walaupun tertumpu kepada bangsa India, memberikan perspektif tentang kesan sosioekonomi terhadap kekurangan akademik. Ini membuktikan bahawa masalah sosioekonomi adalah universal dan tidak terhad kepada satu bangsa atau etnik sahaja.

Kajian oleh Datuk Dr. Mohd Daud (2020) bertajuk Sosioekonomi dan Kebangkitan Ummah ke Arah Kesejahteraan Bersama 2030, walaupun tidak membincangkan secara langsung tentang pendidikan, memberikan gambaran tentang hubungan antara sosioekonomi dan pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan komponen penting dalam mencapai pembangunan ummah yang berkualiti.

Secara keseluruhannya, literatur ini menekankan bahawa pendidikan Orang Asli di Malaysia merupakan isu yang kompleks dan memerlukan pendekatan holistik. Kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa terdapat perubahan positif dalam pandangan dan sikap Orang Asli terhadap pendidikan, namun banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memastikan mereka dapat menikmati pendidikan yang berkualiti dan tidak dapat dilupakan.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bersifat deskriptif dan inferensi, memfokuskan kepada murid Orang Asli Pantai dari dua sekolah di daerah Batu Pahat, iaitu SMK Senggarang dan SMK Tun Sardon. Jumlah sampel yang dipilih adalah seramai 63 orang murid, dengan 40 daripada SMK Senggarang dan 23 daripada SMK Tun Sardon. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah borang soal selidik yang terbahagi kepada empat bahagian, mencakupi maklumat responden, tahap kesediaan persekitaran di rumah untuk sesi ulangkaji sendiri, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran, dan tahap kepuasan hati murid terhadap ibu bapa, guru, dan persekitaran sekolah. Kaedah skala Likert lima mata (1: Sangat tidak setuju; 2: Tidak setuju; 3: Tidak pasti; 4: Setuju; 5: Sangat setuju) digunakan dalam soal selidik ini untuk mengukur respons murid. Proses pengumpulan data dilakukan dengan kerjasama guru kaunseling di kedua-dua sekolah. Murid-murid diberikan masa dua minggu untuk menjawab

soal selidik, dan setelah tempoh itu, borang dikumpulkan semula oleh guru dan diserahkan kepada pengkaji. Analisis data dilakukan menggunakan SPSS versi 26, di mana hasil analisis ini akan membantu dalam menjawab hipotesis dan persoalan kajian serta mengkaji hubungan antara pemboleh ubah yang telah dinyatakan. Kesahan instrumen soal selidik telah disahkan melalui proses kesahan pakar dengan melibatkan pensyarah dari Fakulti Pembangunan Manusia dan Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dihadapi oleh murid Orang Asli Pantai dalam aspek pendidikan, dengan menumpukan kepada beberapa aspek utama yang telah dinyatakan.

Hasil Dapatan Kajian

Demografi Informan Kajian

Bahagian ini bertujuan mengemukakan gambaran demografi informan kajian yang terdiri daripada 63 orang responden. Informasi demografi ini penting sebagai asas untuk memahami konteks dan latar belakang responden yang terlibat, yang seterusnya memberikan kefahaman mendalam mengenai data dan analisis yang akan dibentangkan. Maklumat demografi yang dikumpulkan merangkumi aspek-aspek seperti umur, jantina, pendidikan, pekerjaan ibu bapa, dan latar belakang sosioekonomi, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam memberi makna kepada dapatan kajian ini.

(TNR, 12, single spacing, justify).

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden iaitu Murid Orang Asli Pantai

Konstruk	Aspek	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	26	41.3
	Perempuan	37	58.7
Umur	13 tahun	26	41.3
	14 tahun	13	20.6
	15 tahun	7	11.1
	16 tahun	11	17.5
	17 tahun	6	9.5
Pekerjaan bapa	Nelayan	31	49.2
	Pekerja kilang	3	3.8
	Buruh	3	3.8
	Pekerja pembersih	3	3.8
	Lain-lain	23	36.5
Pekerjaan ibu	Suri rumah	49	77.8
	Pekerja kilang	5	7.9
	Pekerja pembersih	2	3.3
	Lain-lain	7	11.1
Bilangan adik-beradik	1 orang	1	1.6
	2 orang	5	7.9
	3 orang	13	20.6
	4 orang	14	22.2
	5 orang	16	25.4
	6 orang	8	12.7

	7 orang	2	3.2
	8 orang	4	6.3
Pencapaian peperiksaan	A	0	0
	B	3	4.8
	C	4	6.3
	D	8	12.7
	E	11	17.5
	G	37	58.7
Pekerjaan sampingan	Nelayan	41	65.1
	Pekerja kedai makan	5	7.9
	Pembantu jualan	14	22.2
	Peniaga atas talian	2	3.2
	Lain-lain	1	1.6

Source: SPSS Version 26, 2019

Dalam kajian ini, data demografi informan telah dianalisis dan disajikan melalui beberapa aspek utama. Pertama, berkenaan dengan jantina, kajian ini melibatkan 26 lelaki (41.3%) dan 37 perempuan (58.7%), menunjukkan sedikit kelebihan bilangan responden perempuan. Dari segi umur, responden terbanyak berusia 13 tahun (41.3%), diikuti dengan 14 tahun (20.6%), 16 tahun (17.5%), 15 tahun (11.1%), dan 17 tahun (9.5%). Ini menggambarkan kebanyakan informan berada dalam lingkungan remaja awal.

Mengenai pekerjaan ibu bapa, 49.2% bapa adalah nelayan, sementara 77.8% ibu adalah suri rumah, mencerminkan latar belakang sosioekonomi yang berorientasikan komuniti pesisir dan peranan tradisional dalam keluarga. Untuk bilangan adik-beradik, kebanyakan responden mempunyai 5 orang adik-beradik (25.4%), diikuti oleh 4 dan 3 orang (masing-masing 22.2% dan 20.6%). Dalam aspek pencapaian peperiksaan, majoriti responden (58.7%) mendapat gred G, menunjukkan tantangan akademik yang dihadapi. Akhirnya, dalam aspek pekerjaan sampingan, 65.1% responden mempunyai pekerjaan sampingan sebagai nelayan, menunjukkan fokus utama mereka pada tanggungjawab keluarga.

Mengetahui Tahap Kesediaan Persekitaran Di Rumah Untuk Sesi Ulangkaji Kendiri

Jadual 2 dalam kajian ini menyajikan data mengenai tahap kesediaan persekitaran di rumah untuk sesi ulangkaji sendiri dalam kalangan 63 responden. Item-item dalam jadual ini (TK1 hingga TK5) merangkumi aspek seperti keberadaan sudut belajar sendiri, kelengkapan sudut belajar, keadaan persekitaran rumah, perkongsian kemudahan pembelajaran dengan adik-beradik, dan kesan kemudahan pembelajaran terhadap motivasi untuk ulangkaji.

Secara umumnya, responden melaporkan kesediaan persekitaran di rumah yang sederhana, dengan purata min 3.1026 dan sisihan piawai 0.72037. Dalam aspek sudut belajar sendiri dan kelengkapannya, sebilangan responden mengindikasikan keberadaan dan kelengkapan yang mencukupi, tetapi tidak semua. Untuk keadaan persekitaran rumah, sebilangan besar merasakan ia memudahkan sesi ulangkaji. Namun, perkongsian kemudahan pembelajaran dengan adik-beradik dilihat sebagai faktor pengganggu fokus semasa ulangkaji oleh sebilangan responden. Akhir sekali, kemudahan pembelajaran di rumah didapati memberi kesan positif kepada sebilangan responden dalam memotivasi sesi ulangkaji sendiri.

Jadual 2: Frekuensi Skor, Purata Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Kesiediaan Persekitaran di Rumah untuk Sesi Ulangkaji Kendiri (TK)

No Item	n=63	STS BIL	%	TS BIL	%	TP BIL	%	S BIL	%	ST BIL	%
TK1	Saya mempunyai sudut belajar sendiri di rumah.	12	15.8	12	15.8	27	35.5	18	23.7	7	9.2
TK2	Sudut belajar saya dilengkapi keperluan pembelajaran. (meja, kerusi dan lain-lain)	11	14.5	16	21.1	17	22.4	21	27.6	11	14.5
TK3	Keadaan persekitaran rumah saya memudahkan saya untuk melakukan sesi ulangkaji sendiri.	8	10.5	11	14.5	28	36.8	21	27.6	8	10.5
TK4	Saya berkongsi kemudahan pembelajaran dengan adik beradik yang lain menyebabkan saya sukar untuk fokus semasa sesi ulangkaji sendiri.	6	7.9	13	17.1	26	34.2	25	32.9	5	7.9
TK5	Kemudahan pembelajaran di rumah mendorong saya untuk melakukan sesi ulangkaji sendiri.	5	6.6	12	15.8	31	40.8	18	23.7	10	13.2

Nota: Purata Min = 3.1026; Sisihan Piawai = 0.72037; Tahap = Sederhana

Source: SPSS Version 26, 2019

Menganalisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sesi Pembelajaran

Jadual 3 mengkaji penglibatan ibu bapa dalam sesi pembelajaran anak mereka, dengan 63 responden. Ia memfokuskan pada aspek seperti penyediaan kemudahan pembelajaran, memberi galakan, menyemak buku latihan, mengetahui pencapaian peperiksaan, kehadiran ibu bapa di Hari Terbuka sekolah, dan penyuaran pendapat dalam masalah pembelajaran.

Data menunjukkan tahap penglibatan yang sederhana (purata min 3.5548, sisihan piawai 0.54255). Sebilangan besar ibu bapa memberikan sokongan yang kuat dalam penyediaan kemudahan dan memberi galakan. Namun, penyemakan buku latihan dan kehadiran di Hari Terbuka sekolah menunjukkan tahap penglibatan yang lebih rendah. Kesimpulannya, walaupun ibu bapa terlibat dalam beberapa aspek pembelajaran, terdapat variasi dalam tahap penglibatan mereka dalam aspek tertentu.

Jadual 3: Frekuensi Skor, Purata Min dan Sisihan Piawaian bagi Penglibatan Ibu Bapa dalam Sesi Pembelajaran

No Item	n=63	STS BIL	%	TS BIL	%	TP BIL	%	S BIL	%	ST BIL	%
PIB1	Ibu dan bapa saya menyediakan kemudahan pembelajaran untuk saya (wang, membeli buku dan lain-lain).	1	1.3	1	1.3	14	18.4	42	55.3	18	23.7
PIB2	Ibu bapa saya sering memberikan galakan dengan pelbagai cara untuk saya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.	2	2.6	2	2.6	26	34.2	31	40.8	15	19.7
PIB3	Ibu bapa saya sering menyemak buku latihan, fail pembelajaran dan lain-lain jenis latihan untuk mengetahui tahap pencapaian semasa saya.	5	6.6	11	14.5	43	56.6	13	17.1	4	5.3
PIB4	Ibu bapa saya berminat untuk mengetahui pencapaian saya dalam semua jenis peperiksaan.	2	2.6	6	7.9	23	30.3	31	40.8	14	18.4
PIB5	Ibu bapa saya hadir ke sekolah semasa Hari Terbuka diadakan untuk berbincang dengan guru tentang pencapaian saya.	3	3.9	6	7.9	22	28.9	32	42.1	13	17.1
PIB6	Ibu bapa saya sering menyuarakan pendapat bagi mengatasi masalah pembelajaran saya di sekolah.	1	1.3	10	13.2	32	42.1	26	34.2	7	9.2

Nota: Purata Min = 3.5548; Sisihan Piawai = 0.54255; Tahap = Sederhana

Source: SPSS Version 26, 2019

Menganalisis Tahap Kepuasan Hati Murid Kepada Ibu Bapa, Guru, Dan Persekitaran Sekolah

Jadual 4 mengkaji tahap kepuasan hati murid terhadap ibu bapa, guru, dan persekitaran sekolah. Secara umumnya, murid merasakan kepuasan yang tinggi, dengan purata min 3.9240 dan sisihan piawai 0.61053. Dari segi hubungan dengan ibu bapa, murid merasa seronok dan terdorong oleh minat serta sokongan ibu bapa dalam pembelajaran mereka. Ini menunjukkan pengaruh positif ibu bapa dalam motivasi akademik murid.

Dalam konteks hubungan dengan guru mata pelajaran Sejarah, terdapat kepuasan yang tinggi terhadap cara pembelajaran dan perhatian guru semasa kelas berlangsung. Murid merasa selesa berbincang dengan guru dan menarik minat mereka, menunjukkan kualiti pengajaran dan interaksi yang baik dalam kelas. Akhir sekali, dalam aspek persekitaran sekolah, murid menyatakan kepuasan yang tinggi terhadap keadaan sekolah dan usaha sekolah dalam memperbaiki dan mengindahkan kawasan, yang mencerminkan kesan positif terhadap pengalaman pembelajaran keseluruhan. Ini menunjukkan bahwa keadaan sekolah yang kondusif memainkan peranan penting dalam kepuasan pembelajaran murid.

Jadual 4: Frekuensi Skor, Purata Min dan Sisihan Piawaian bagi Tahap Kepuasan Hati Murid kepada Ibu Bapa, Guru, dan Persekitaran Sekolah

No Item	n=63	STS BIL	%	TS BIL	%	TP BIL	%	S BIL	%	ST BIL	%
TKP1	Saya berasa seronok apabila ibu bapa menunjukkan minat terhadap pencapaian saya dalam pembelajaran.	1	1.3	2	2.6	15	19.7	31	40.8	27	35.5
TKP2	Saya terdorong untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran disebabkan ibu bapa saya.	3	3.9	3	3.9	14	18.4	22	28.9	34	44.7
TKP3	Saya boleh berbincang dengan ibu bapa saya secara bebas tentang tahap pencapaian saya dalam pembelajaran.	2	2.6	16	21.1	24	31.6	18	23.7	16	21.1
TKP4	Saya berasa selesa untuk bercakap dan berbincang berkenaan matapelajaran Sejarah bersama guru subjek.	0	0.0	7	9.2	26	34.2	16	21.1	27	35.5
TKP5	Gaya dan cara pembelajaran guru matapelajaran Sejarah menarik minat saya.	1	1.3	3	3.9	15	19.7	33	43.3	24	31.6

TKP6	Guru matapelajaran Sejarah sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan pembelajaran saya semasa pembelajaran dalam kelas berlangsung.	1	1.3	3	3.9	16	21.1	33	43.4	23	30.3
TKP7	Saya berasa seronok dengan keadaan persekitaran sekolah.	1	1.3	3	3.9	11	14.5	37	48.7	24	31.6
TKP8	Keperluan pembelajaran di dalam kelas memenuhi keperluan pembelajaran saya.	1	1.3	1	1.3	27	35.5	31	40.8	16	21.1
TKP9	Pihak sekolah sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mengindahkan kawasan sekolah.	0	0.0	4	5.3	13	17.1	27	35.5	32	42.1

Nota: Purata Min = 3.9240; Sisihan Piawai = 0.61053; Tahap = Tinggi

Source: SPSS Version 26, 2019

Menganalisis Hubungan antara Tahap Kesiediaan Persekitaran di Rumah untuk Sesi Ulangkaji Kendiri dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis regresi yang mengkaji hubungan antara tahap kesiediaan persekitaran di rumah untuk sesi ulangkaji kendiri dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara dua variabel ini, dengan koefisien B tidak standard -0.693 dan nilai t -3.472, yang menunjukkan bahawa peningkatan tahap kesiediaan persekitaran di rumah dikaitkan dengan penurunan dalam pencapaian Sejarah. Ini menunjukkan kemungkinan adanya faktor lain yang mempengaruhi pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah, di luar dari kesiediaan persekitaran di rumah.

Jadual 5: Analisis Regresi (Coefficients) bagi Tahap Kesiediaan Persekitaran di Rumah untuk Sesi Ulangkaji Kendiri dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

	Unstandardized B	Coefficients Std. Error	Standardized Coefficients Beta	t	Sig
(Constant)	7.072	.0.636		11.124	<0.001
TK	-0.693	0.200	-0.374	-3.472	<0.001

a. Dependent Variable: Pencapaian Peperiksaan

Nota: TK = Tahap Kesiapan Persekitaran di Rumah untuk Sesi Ulangkaji Kendiri

Source: SPSS Version 26, 2019

Menganalisis Hubungan antara Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sesi Pembelajaran dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis regresi yang menganalisis hubungan antara tahap penglibatan ibu bapa dalam sesi pembelajaran dengan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah. Hasilnya menunjukkan adanya hubungan negatif yang signifikan, dengan koefisien B tidak standard -0.725 dan nilai t -2.654. Ini mengindikasikan bahawa peningkatan tahap penglibatan ibu bapa dalam sesi pembelajaran berhubung kait dengan penurunan dalam pencapaian mata pelajaran Sejarah. Hasil ini menimbulkan persoalan mengenai dinamik penglibatan ibu bapa dan bagaimana ia mempengaruhi pencapaian akademik murid dalam konteks khusus mata pelajaran ini. Signifikansi statistik nilai ini (Sig = 0.010) menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap hubungan ini, dengan nilai p kurang daripada 0.05 yang dianggap signifikan dalam konteks statistik. Ini bermakna terdapat kemungkinan tinggi bahawa hubungan yang ditemui bukan disebabkan oleh kebetulan semata-mata, melainkan mempunyai asas empirik yang kuat.

Jadual 6: Analisis Regresi (Coefficients) bagi Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sesi Pembelajaran dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

	Unstandardized B	Coefficients Std. Error	Standardized Coefficients Beta	t	Sig
(Constant)	7.498	0.982		7.634	<0.001
PIB	-0.725	0.273	-0.295	-2.654	0.010

a. Dependent Variable: Pencapaian Peperiksaan

Nota: PIB = Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sesi Pembelajaran

Source: SPSS Version 26, 2019

Menganalisis Hubungan antara Tahap Kepuasan Hati Murid Kepada Ibu Bapa, Guru, Dan Persekitaran Sekolah dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 7 membincangkan hubungan antara tahap kepuasan hati murid terhadap ibu bapa, guru, dan persekitaran sekolah dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Analisis regresi menunjukkan koefisien B tidak standard sebanyak 0.119 untuk tahap kepuasan hati murid, tetapi nilai ini tidak menunjukkan signifikansi statistik yang kuat (Sig = 0.641). Ini bermakna, walaupun terdapat hubungan yang ditunjukkan, ia tidak cukup kuat untuk mengesahkan bahawa tahap kepuasan hati murid secara signifikan mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

Jadual 7: Analisis Regresi (Coefficients) bagi Tahap Kepuasan Hati Murid Kepada Ibu Bapa, Guru, Dan Persekitaran Sekolah dengan Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah

	Unstandardiz ed B	Coefficients Std. Error	Standardized Coefficients Beta	t	Sig
(Constant)	4.455	1.007		4.423	<0.001
TKP	0.119	0.254	0.054	0.468	0.641

a. Dependent Variable: Pencapaian Peperiksaan

Nota: TKP = Tahap Kepuasan Hati Murid Kepada Ibu Bapa, Guru, Dan Persekitaran Sekolah

Perbincangan

Data kajian ini menggambarkan kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah, seperti yang ditegaskan oleh Abdullah (2018) dan Abdullah (2020), khususnya bagi populasi minoriti seperti Orang Asli. Variasi dalam ketersediaan dan kesempurnaan persekitaran pembelajaran di rumah menunjukkan kerumitan menyediakan keadaan ideal, yang diburukkan lagi oleh faktor yang mengganggu seperti berkongsi kemudahan dengan adik-beradik, seperti yang dinyatakan oleh Nordin dan Wahab (2021). Keperluan memahami situasi sosioekonomi keluarga, seperti yang dibincangkan dalam kajian TH. Subra, Abdullah, dan Devi (2019), adalah kritikal dalam mempengaruhi kualiti persekitaran pembelajaran. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak yang dilaporkan menunjukkan variasi dalam penyediaan kemudahan dan galakan serta kurangnya semakan buku latihan dan kehadiran di Hari Terbuka sekolah, mencerminkan penemuan oleh Almahera, Jauhari dan Nafi'ah (2023) berkenaan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka. Analisis yang menunjukkan hubungan tidak signifikan antara kepuasan murid terhadap ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah dan pencapaian akademik menggariskan kepentingan untuk mempertimbangkan faktor-faktor lain, termasuk mobiliti sosial dan latar belakang sosioekonomi seperti yang disarankan oleh Nor et al. (2018), serta peranan guru dalam membina generasi Orang Asli yang layak, seperti yang dinyatakan oleh Harun et al. (2020).

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan akademik, seperti yang dibuktikan dalam kajian ini. Walaupun kebanyakan ibu bapa memberikan sokongan padu dalam bentuk penyediaan kemudahan dan galakan, kajian menunjukkan kekurangan dalam aspek menyemak buku latihan dan kehadiran di Hari Terbuka sekolah, mencerminkan halangan atau kekangan yang dihadapi oleh ibu bapa. Halangan ini mungkin termasuk kekurangan masa kerana tanggungjawab kerja, kekurangan pengetahuan tentang cara terbaik untuk membantu anak mereka dari segi akademik, atau kekurangan sumber untuk memberikan bantuan tambahan yang mungkin diperlukan. Dapatan ini selari dengan kajian Almahera, Jauhari, dan Nafi'ah (2023), yang menekankan kepentingan penglibatan ibu bapa tetapi turut mengakui wujudnya halangan kepada penglibatan ini. Sementara itu, kajian Salleh dan Ahmad (2009) menunjukkan perubahan sikap positif Orang Asli terhadap pendidikan, menunjukkan peningkatan kesedaran dan penglibatan dalam pendidikan walaupun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Kajian ini menekankan keperluan untuk pendekatan yang lebih inklusif dan holistik untuk menangani halangan kepada penglibatan ibu bapa, yang boleh memberi kesan secara langsung kepada pencapaian akademik anak-anak mereka.

Analisis menunjukkan bahawa hubungan antara kepuasan murid terhadap ibu bapa, guru dan persekitaran sekolah dengan pencapaian akademik mereka tidak menunjukkan signifikan yang kukuh. Ini menimbulkan persoalan tentang faktor lain yang mungkin memainkan peranan yang lebih penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar. Faktor-faktor ini mungkin termasuk motivasi intrinsikmurid, kehadiran atau ketiadaan sokongan sosial di luar keluarga, dan ketersediaan dan kualiti sumber pembelajaran tambahan. Berdasarkan dapatan daripada Nor et al. (2018) dan Harun et al. (2020), peranan guru dalam menyediakan pengajaran berkualiti dan membina interaksi positif dengan murid ditekankan sebagai faktor penting dalam kejayaan akademik. Perbincangan boleh diperluaskan untuk meneroka bagaimana aspek ini mempengaruhi motivasi dan kepuasan murid terhadap pembelajaran, serta bagaimana ini akhirnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Dengan mengambil kira keadaan sosioekonomi keluarga, perbincangan mungkin termasuk analisis tentang cara akses kepada sumber pembelajaran tambahan, seperti buku, teknologi dan tunjuk ajar akademik luar, boleh menjejaskan pencapaian akademik murid. Ini boleh melibatkan membincangkan jurang dalam akses berdasarkan latar belakang sosioekonomi dan bagaimana ini boleh melebarkan atau merapatkan jurang pencapaian antara murid. Ulasan ini mungkin termasuk strategi dan intervensi yang disyorkan berdasarkan literatur dan dapatan kajian untuk meningkatkan kepuasan murid dan, seterusnya, pencapaian akademik mereka. Perkara ini termasuk pembangunan program pembelajaran yang lebih responsif dan inklusif, latihan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan interaksi dengan murid, dan usaha untuk mengurangkan jurang dalam akses kepada sumber pembelajaran tambahan.

Bagi mengukuhkan peranan guru dalam menyokong pencapaian akademik murid Orang Asli, kajian ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan interaksi guru-murid dan kualiti pengajaran. Rujukan kepada Harun et al. (2020) menekankan kepentingan guru sebagai pendidik dalam mengembangkan potensi murid Orang Asli yang menuntut pendekatan pengajaran yang lebih inklusif dan adaptif. Selaras dengan ini, kajian Nordin dan Wahab (2021) berhubung pembangunan modul Jungle School menawarkan contoh inovatif bagaimana pendidikan yang berorientasikan pengetahuan pribumi dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar. Situasi ini menunjukkan bahawa melalui penggunaan strategi pengajaran yang relevan dan bermakna menyebabkan guru boleh memainkan peranan kritikal dalam mengatasi halangan sosioekonomi dan menggalakkan kejayaan akademik murid Orang Asli.

Kesimpulan

Kesimpulan untuk kajian ini menunjukkan bahawa walaupun ada pengaruh dari kesediaan persekitaran di rumah, penglibatan ibu bapa, dan kepuasan hati murid terhadap ibu bapa, guru, serta persekitaran sekolah terhadap pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran Sejarah, hubungan-hubungan ini berbeza-beza dalam kekuatan dan signifikansi. Penemuan ini menekankan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dan berlapis dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keberhasilan akademik murid, terutama dalam konteks pendidikan Orang Asli dan minoriti. Ini memberikan wawasan tentang kompleksitas hubungan antara faktor persekitaran, sokongan keluarga, dan kepuasan pendidikan terhadap prestasi akademik.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian khususnya kepada penyelia, pengetua-pengetua sekolah terlibat dan para responden sepanjang proses kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd Aziz, M. F., & Tayeb, A. (2023). Cabaran Pembelajaran Semasa Pandemik COVID-19: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Pelajar Keluarga B40. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(9), e002535-e002535.
- Abdullah, R. (2018). Penilaian pelaksanaan program Linus dalam kalangan murid Orang Asli di Perak (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia). https://etd.uum.edu.my/6897/2/s93291_01.pdf
- Abdullah, M. F. (2020). Tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli melalui pendekatan model kemiskinan multidimensi di Malaysia: Kajian kes di Terengganu (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)). <https://search.proquest.com/openview/8bbaf611ffe5855b3d231a532fa7e6d2/1?pq-origsite=gscholar&cbl=2026366&diss=y>
- Ahmad, N., Othman, S., Sabil, A. M., Mokhtar, M. M., Nawawi, M. A. M., & Hason, Z. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam Meningkatkan Kesiediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum [The Influence Of Edutainment in Enhancing The Learning Readiness of Reading Skills in Malay Language of Low Achieve. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57.
- Almahera, A. F., Jauhari, N., & Nafi'ah, U. (2023). E-modul Sejarah sebagai inovasi bahan ajar digital berbasis aplikasi Canva untuk meningkatkan minat belajar siswa. *Jurnal Integrasi dan Harmoni Inovatif Ilmu-Ilmu Sosial (JIHIS)*, 3(2), 94-103.
- Beden, S. (2021). Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi: Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: An Analysis from the Perspective of Sociology Theory. *PENDETA*, 12(2), 131-149.
- Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistemik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.
- Cláudio da Silva, Fátima Pereira & José Pedro Amorim. (2023). The Integration of Indigenous Knowledge in School: a Systematic Review. <https://doi.org/10.1080/03057925.2023.2184200>.
- Datuk Dr. Mohd Daud Bakar. (2020). Sosioekonomi Dan Kebangkitan Ummah Kearah Kemakmuran Bersama 2030. https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/kertas_kerja/muzakarah2020/kertas3.pdf
- Daud, N. F. M., Yusoff, N. A. S. M., Azmi, N. H. M., Asri, S. Z. K. M., Zaidi, N. Z. M., & Husin, M. R. (2021). Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 3(2), 67-79.
- Gosman, M., Nazarudin, M. N., Noordin, Z., Saharin, A., & Saili, S. R. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1-12.
- Harun, N. H. B., Rahman, M. N. A., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2020). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 66-76.
- Ibrahim, S. N. L., Yusoff, Y. M., & Hassan, Z. (2021). Covid-19: Sikap, Motivasi dan Halangan Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) Pelajar Kolej Komuniti Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 77-91.

- Ilhan Ozturk. (2002). The Role of Education in Economic Development: a Theoretical Perspective. *Journal of Rural Development and Administration*, Volume XXXIII, No. 1, Winter 2001, 39-47.
- Iswahyudi, M. S., Irianto, I., Salong, A., Nurhasanah, N., Leuwol, F. S., Januaripin, M., & Harefa, E. (2023). Kebijakan Dan Inovasi Pendidikan: Arah Pendidikan di Masa Depan. *PT. Sonpedia Publishing Indonesia*. https://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=2DLZEAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR1&dq=faktor+sosioekonomi+memainkan+peranan+penting+dalam+menentukan+taha+p+kejayaan+pendidikan&ots=f1BLQ7dq1y&sig=lcwHTqJjebD8_jnQMAW4npkbKhw
- Jamri, A. A., & Ishak, S. (2023). Tekanan Kewangan Dan Pengurusan Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Berasaskan Status Sosioekonomi. *e-BANGI Journal*, 20(4).
- Kadir, N. (2023). RIDO Dynamics: A Preliminary Study of the Factors of Intra and Inter-Ethnic Conflict in The Southern Philippines: Dinamika RIDO: SATU kajian awal terhadap faktor-faktor pertelingkahan intra dan inter-etnik di Selatan Filipina. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(1), 12-29.
- Kashfi, W. N. I. H., Hat, N. C., Noor, S. S. M., Osman, N., Rouyan, N. M., & Hussin, Z. (2022). Cabaran dan permasalahan pembelajaran murid b40 di sekolah rendah di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(4), 17-28.
- Kipli, S., & Mahmud, M. I. (2022). Faktor Mempengaruhi Keckerapan Perpindahan Murid SJKC Ke SK Semasa Pandemik Covid-19 Di Daerah Sibul, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 33-55.
- M. Battiste & C. McConaghy. (2005). Introduction: Thinking Places: Indigenous Humanities and Education. *The Australian Journal of Indigenous Education*, Volume 34, 1-6.
- Muhsin, S. S. S., & Lukman, Z. M. (2023). Sosioekonomi Mempengaruhi Kesejahteraan Kewangan Ibu Tunggal di Terengganu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(1), 42-53.
- Nor, M. M. M., Sukimi, M. F., Nor, M. N. M., & dan Pembangunan, P. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 72-86.
- Nordin, N. A., & Wahab, N. A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10-21.
- Nur Bahiyah, A. W. (2015). Pembangunan kit rimba berorientasikan elemen Sekolah Rimba Malaysia bagi peningkatan kompetensi sains murid Orang Asli. <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/1580>
- Paraman, M., & Hussain, R. B. M. (2023). Keciciran Pelajar India Sekolah Menengah di Selangor: Kesan Terhadap Diri Pelajar, Keluarga, Masyarakat dan Kerajaan Malaysia serta Cadangan Mengatasi Isu Keciciran Pelajar. http://web.usm.my/km/earlyView/89_KM-OA-03-21-0039.R2.pdf
- Rahmi, S. (2021). Kerja Sama Orang Tua dan Guru dalam Membentuk Kepribadian Peserta Didik di Sekolah. *JURNAL AZKIA: Jurnal Aktualisasi Pendidikan Islam*, 16(2).
- Rasid, S. F. A. Z. M., Hajimin, R. M. N. H. H., & Marinsah, S. A. (2023). Pengurusan Pelarian Di Sabah Dari Perspektif Maqasid Syariah: Satu Cadangan Penyelidikan. *Journal of Islamic*, 8(59), 57-70.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya. *Penerbit UKM, Bangi*. <https://core.ac.uk/download/pdf/300399824.pdf>

- TH. Subra., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Keciciran Pelajar-Pelajar India: Kajian Kes di Daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91.
- Velayutham, S., & Awang, M. M. (2023). Hubungan Dorongan Sosio Budaya Dengan Motivasi Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 636-649.
- Yahya, N. F., & Mahmud, M. I. (2021). Pengaruh Hubungan ibu bapa terhadap minat kerjaya anak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 210-216.
- Zeki, M. Z. B. H. M., Razak, A. Z. B. A., & Razak, R. A. (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pedalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan Kbat?. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 11-24.
- Zulkifli, N., Mustafar, F. W., & Ridzuan, M. I. M. (2022). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(3), 14-25.
- Zur Raffar, I. N. A., Dahalan, N. N. N., Jalani, H., Nasir, M. F. M., & Adnan, S. D. M. (2023). Faktor Dan Tahap Tekanan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak-Anak Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal'Ulwan*, 8(1), 232-242.